


CARTA ALIR

Permohonan Visa Dengan Rujukan (VDR) Pas Lawatan Sosial (PLS) Pasangan Kepada Warganegara



Tempoh masa yang dipamerkan adalah tertakluk kepada jumlah pelanggan pada sesuatu masa

NOTA

Setelah permohonan diluluskan, penaja hendaklah mengemukakan dokumen-dokumen di bawah bagi tujuan permohonan visa di mana-mana Perwakilan Malaysia di seberang laut yang dimohon oleh penaja.

- Surat kelulusan asal Jabatan Imigresen Malaysia
- Pasport asal
- Dua (2) salinan fotostat Borang Permohonan Visa (Borang Imm.47)
- Dua (2) keping gambar berukuran pasport pemohon
- Tiket penerbangan asal dan dua (2) salinan fotostat
- Bayaran visa

Untuk Maklumat Lanjut

**BAHAGIAN VISA, PAS DAN PERMIT
JABATAN IMIGRESEN MALAYSIA**
(KEMENTERIAN DALAM NEGERI)
NO 15, TINGKAT 3 (PODIUM)
PERSIARAN PERDANA, PRESINT 2,
62550 PUTRAJAYA
WILAYAH PERSEKUTUAN

TELEFON
03 – 8880 1380

FAKS
03 – 8880 1371

PORTAL RASMI:
www.imi.gov.my



PERMOHONAN VISA DENGAN RUJUKAN (PAS LAWATAN SOSIAL)

PASANGAN KEPADA WARGANEGARA

myPORTFOLIO
"Birokrasi Diperudahkan"
"Bureaucracy Redefined"

PENGENALAN

Visa Dengan Rujukan (VDR) bermaksud visa yang dikeluarkan oleh Pejabat Perwakilan Malaysia di luar negara kepada seseorang yang bukan warganegara bagi membolehkan individu berkenaan masuk ke Malaysia selepas visa diluluskan oleh Ibu Pejabat Imigresen.

JENIS VISA

1. Visa sekali masuk

Dikeluarkan kepada warganegara asing yang memerlukan visa untuk masuk ke Malaysia bagi tujuan sosial atau perniagaan. Biasanya berlaku untuk sekali masuk bagi tempoh tidak melebihi tiga (3) bulan dari tarikh dikeluarkan

2. Visa beberapa kali masuk

- Dikeluarkan kepada warganegara asing yang memerlukan visa untuk masuk ke Malaysia bagi tujuan perniagaan atau urusan-urusan Kerajaan. Biasanya berlaku untuk tiga (3) hingga dua belas (12) bulan dari tarikh dikeluarkan
- Warganegara India dan China yang ingin memasuki Malaysia bagi tujuan Lawatan Sosial layak untuk memohon Visa Beberapa Kali Masuk
- Tempoh sahlaku Visa Beberapa Kali Masuk adalah satu (1) tahun. Setiap kemasukan adalah untuk 30 hari sahaja dan lanjutan tempoh tinggal tidak dibenarkan
- Syarat-syarat bagi Visa Beberapa Kali Masuk adalah:
 - Pemohon perlu menunjukkan bukti kewangan yang mencukupi semasa tinggal di Malaysia
 - Mempunyai tiket balik yang telah disahkan
 - Lawatan secara berkumpulan tidak layak memohon Visa Beberapa Kali Masuk
 - Bayaran bagi Visa Beberapa Kali Masuk ialah RM50.00 bagi Warganegara India dan RM30.00 bagi Warganegara China

CARA MOHON VISA

Penaja perlu hadir sendiri ke Ibu Pejabat Imigresen Malaysia dengan membawa borang-borang dan dokumen-dokumen seperti di bawah.

SENARAI BORANG DAN DOKUMEN

KATEGORI	ISTERI KEPADA WARGANEGARA	SUAMI KEPADA WARGANEGARA
BORANG	<ol style="list-style-type: none"> Borang Imm.12 – Borang Permohonan Pas Lawatan (2 salinan) Borang Imm.38 – Borang Permohonan Untuk Visa Borang <i>Security Bond</i> Borang Akaun Penaja Borang Maklumat Tambahan Penaja 	<ol style="list-style-type: none"> Borang Imm.12 – Borang Permohonan Pas Lawatan (2 salinan) Borang Imm.38 – Borang Permohonan Untuk Visa Borang <i>Security Bond</i> Borang Akaun Penaja Borang Maklumat Tambahan Penaja
DOKUMEN BERKAITAN	<ol style="list-style-type: none"> Salinan kad pengenalan penaja (suami) Salinan pasport suami jika berkahwin di luar Malaysia (semua muka surat bercetak) Salinan pasport pemohon (1 naskah) Salinan sijil nikah/ kahwin di Malaysia (jika berkahwin di luar negara sertakan sijil nikah/ kahwin negara berkenaan) Gambar isteri berukuran pasport (2 keping) Sekiranya pasangan pernah berkahwin yang pernah berkahwinan dan bercerai / kematian (salinan surat cerai/ sijil kematian (jika janda/ duda) Surat iringan 	<ol style="list-style-type: none"> Salinan kad pengenalan penaja (isteri) Salinan pasport pemohon (1 naskah) Salinan pasport isteri jika berkahwin di luar Malaysia (semua muka surat yang bercetak) Salinan sijil nikah/ kahwin di Malaysia (jika berkahwin di luar negara sertakan sijil nikah/ kahwin negara berkenaan) Gambar suami berukuran pasport (2 keping) Slip gaji / penyata bank 3 bulan terkini (Asal dan salinan) Bukti pendapatan RM2,000.00 berserta slip gaji/ Borang J (jika tiada sila kemukakan penjamin) Surat iringan

Kadar Bayaran Visa Mengikut Negara

Negara	Single/ Multiple Entry Visa (RM)	Negara	Single/ Multiple Entry Visa (RM)	Negara	Single/ Multiple Entry Visa (RM)
Argentina	20.15	Ecuador	7.00	Panama	14.50
Bangladesh	20.00	Finland	7.00	Pakistan	20.00
Bhutan	20.00	France	12.90	Peru	20.00
Bolivia	11.00	Haiti	16.00	Poland	26.20
Burma	19.50	Hungary	21.45	Portugal	6.50
Brazil	17.00	India	50.00	Saudi Arabia	17.20
Bulgaria	21.90	Indonesia	15.00	Sri Lanka	15.00
Chile	24.50	Israel	9.70	Sudan	12.90
P.R.China	30.00	Itali	9.50	Amerika Syarikat	6.00
Costa Rica	9.00	South Korea	30.00	Uruguay	13.50
Czech & Slovak	19.30	Liberia	13.00	Venezuela	18.00
Denmark	6.00	Mexico	17.50	Vietnam	13.00
Dominican Republik	12.90	Myanmar	20.00		
		Nepal	20.00		

Kadar Bayaran *Security Bond* Mengikut Negara

1. RM 2000.00

- Canada
- USA
- Colombia
- Angola
- Burkina Faso
- Burundi
- Cameroon
- Central African Republic
- Republic Congo
- Republic Democratic Congo
- Cote D'Ivoire
- Djibouti
- Equatorial Guinea
- Eritrea
- Ethiopia
- Guinea-Bissau
- Ghan
- Liberia
- Mali Mozambique
- Niger
- Nigeria
- Rwanda
- Western Sahara

2. RM1500.00

- Saudi Arabia
- Africa
- Australia
- British C.I
- Brunei
- China
- Europe
- Iran
- Iraq
- Portugal C.I
- Taiwan
- Tunisia
- Vietnam

3. RM1000.00

- Japan
- South Korea
- Macao
- Hong Kong

4. RM 750.00

- Bangladesh
- Phillipines
- India

- Myanmar
- Nepal
- Pakistan
- Sri Lanka

5. RM500.00 - Indonesia

6. RM300.00 - Thailand

7. RM200.00 - Singapore

8. Lain-lain Negara RM1500.00